



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**DEBAT PERPADUAN
PIALA MENTERI PERPADUAN NEGARA TAHUN 2023**

26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)

UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

**Disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Saya panjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan kerana kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini di Universiti Malaya sempena **Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara Tahun 2023**.
2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh rakan-rakan strategik iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi (**KPT**), Kementerian Pendidikan (**KPM**), Sekretariat Majlis Debat Universiti Malaysia (**MADUM**), Dewan Bahasa dan Pustaka (**DBP**), dan Universiti Malaya (**UM**) kepada penganjuran Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara pada kali ini.
3. Pada tahun ini, Sekretariat Rukun Negara Universiti Malaya (**SRN UM**) telah dipilih sebagai tuan rumah setelah pasukan ini berjaya merangkul kejuaraan pada siri Debat Perpaduan yang lepas.

DEBAT PERPADUAN SEBAGAI WADAH KEILMUAN NEGARA

BANGSA PROGRESIF

Hadirin yang saya hormati,

4. **Debat Perpaduan adalah merupakan salah satu program utama KPN dalam menggalakkan penghayatan perpaduan melalui pembudayaan keilmuan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa di peringkat IPT.**
5. Saya dimaklumkan bahawa seramai **160 pembahas** melibatkan **40 pasukan** telah sertai pertandingan debat ini. Tahniah kepada semua pasukan atas kesungguhan dan semangat yang telah ditunjukkan. Jadi dengan pelaksanaan program ini, ia diharap dapat merealisasikan hasrat kerajaan untuk **meningkatkan keutuhan dalam aspek kenegaraan dan perpaduan berteraskan penghayatan kepada prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan.**
6. Dengan tema **Warisan Melestarikan Perpaduan**, Debat Perpaduan pada kali ini berpeluang meneroka idea-idea dan hujah-hujah yang telah dilontarkan oleh mahasiswa yang mampu **membantu usaha kita melestarikan dan memperkasa perpaduan negara.**

7. Semoga program- program seperti ini dapat mencapai matlamat untuk **membina tapak integrasi di varsiti** serta mengukuhkan penyatupaduan mahasiswa dan masyarakat berbilang bangsa seiring dengan konsep '**Perpaduan Dalam Kepelbagaian**' atau ***Unity in Diversity.***

PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DI IPT

Hadirin yang saya hormati,

8. Suka saya kongsi bahawa baru-baru ini **Kerajaan telah bersetuju** dengan cadangan supaya **sesi lafaz ikrar Rukun Negara dibaca penuh bermula dengan mukadimah dan diikuti dengan lima perinsip Rukun Negara** dalam program-program rasmi Kerajaan termasuk semasa majlis perhimpunan di semua sekolah dan IPT.
9. Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian telah melancarkan inisiatif **Explorasi Rukun Negara di bawah Flagship Kembara Perpaduan** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi inisiatif ini adalah untuk **meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai wadah penyatupaduan rakyat Malaysia.**

10. Di peringkat IPT, program-program penghayatan Rukun Negara juga akan diperluaskan melalui **Kembara Perpaduan@Kampus** yang dilaksanakan dengan kerjasama bersama setiap IPT dan SRN yang terlibat. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah usaha ini adalah seperti **Siri Diskusi Perpaduan : Chit Chat Belia, Integrasi Sosial Antara SRN (INSAN), Perkemahan Perpaduan, Raja Kita Akar Kita dan Kempen 1 Juta Bunga Raya** dan sebagainya.
11. Usaha-usaha mempromosi dan menerapkan penghayatan perpaduan turut giat dikembangkan di peringkat IPT platform seperti **SRN**. Sehingga kini, terdapat sebanyak **188** buah SRN yang berdaftar di kampus-kampus IPT di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak **30** buah SRN berdaftar di IPTA, manakala **35** buah SRN di IPTS, **28** di Politeknik, **17** di Kolej-kolej matrikulasi, **51** di kolej komuniti dan **27** di kampus-kampus IPG.
12. Saya turut mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kerjasama daripada setiap IPT untuk turut bersama dalam usaha menyemarakkan agenda perpaduan dalam kalangan mahasiswa melalui menubuhkan SRN di kampus masing-masing.

13. Dalam usaha untuk menyemarakkan perlaksanaan aktiviti SRN, maka dengan ini saya mengumumkan **peruntukan sebanyak RM3000 kepada semua SRN bagi tahun 2024** untuk melaksanakan **Eksplorasi Rukun Negara di IPT**. Semoga agenda pengukuhan perpaduan negara dalam kalangan mahasiswa dapat dijayakan melalui inisiatif ini.

MAHASISWA IPT MELALUI YSS DAN YTAR

Hadirin yang saya hormati,

14. Suka juga saya ingin maklumkan bahawa di bawah Kementerian Perpaduan Negara terdapat beberapa buah **Yayasan yang menekankan perihal pembangunan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT)** iaitu Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).
15. YSS memberi peluang dan menggalakkan pelajar IPT ini terlibat dengan **aktiviti kesukarelawanan di samping melahirkan Ikon Sukarelawan atau Pemimpin Sukarelawan di peringkat antarabangsa**. Program-program kesukarelawanan ini bukan sahaja dilaksanakan dalam negara tetapi juga di luar negara melalui pelaksanaan projek-projek melibatkan komuniti setempat yang kurang bernasib baik. Awal September lalu, seramai **94 orang mahasiswa telah terlibat sebagai**

sukarelawan melalui Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa ke Sabah di Kudat, Kota Marudu dan Papar.

16. YTAR pula memberikan akses kepada pelajar dalam **pemerkasaan pendidikan tinggi** melalui program-program tertentu seperti;
- **'Closing The Gap'**, iaitu sebuah program bimbingan akses pendidikan tinggi untuk pelajar sekolah menengah,
 - **Biasiswa Tunku Abdul Rahman** merupakan biasiswa untuk memperkasakan pelajar yang berasal daripada pelbagai latar belakang di Malaysia, terutamanya mereka yang daripada komuniti kurang bernasib baik
 - **'Future Ready'** iaitu program kebolehpasaran graduan dan peningkatan kemahiran diri.

PENUTUP

17. Buat mahasiswa sekalian, anda semua mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia yang maju, terampil dan terangkum serta saling bertoleransi. Wahai, semua anak muda dihadapan saya, ingat anda adalah **ejen penyatuan dan penyebar perpaduan negara.**

18. Kepada pasukan yang berjaya, tahniah dan syabas atas kejayaan ini. Kepada lain-lain pasukan, tahniah juga atas semangat jitu yang telah ditunjukkan sepanjang pertandingan debat ini.
19. Akhir kata, marilah kita sama-sama membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan Negara bagi tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.